

PM terima undangan istimewa lawat Indonesia

UM 22 FEB 2000

Oleh GAMAL NASIR
MOHD. ALI

KUALA LUMPUR 21 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menerima undangan rasmi daripada Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid untuk melawat negara itu bagi memperbaharui hubungan akrab di antara kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar berkata, jemputan tersebut telah dibawa oleh Menteri Luar Indonesia, Alwi Shihab sebagai tanda penghormatan negara itu terhadap Malaysia dan Perdana Menteri.

"Kami melihat perkara ini sebagai satu penghormo-

matan kepada Malaysia kerana Menteri Luar Indonesia telah membawa sendiri jemputan tersebut dan tidak membuatnya melalui saluran diplomatik biasa," jelas Syed Hamid.

Sehubungan itu, Alwi akan mengunjungi Perdana Menteri hari ini bagi menyerahkan jemputan tersebut, kata Menteri Luar selepas mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Indonesia di pejabatnya di sini pagi ini.

Ditanya bila sama ada satu tarikh telah ditetapkan bagi lawatan berkenaan, Syed Hamid menjelaskan Dr. Mahathir berhasrat untuk melakukan lawatan ke Indonesia secepat mungkin.

"Dr. Mahathir telah me-

ngarahkan kami bersarkan kepada kesesuaian masa di pihak Indonesia, untuk melakukan lawatan itu dengan secepat mungkin, maka kita perlu membuat perancangan," katanya.

Presiden Abdurrahman, yang lebih dikenali dengan panggilan Gus Dur, melawat Malaysia pada awal November lalu, beberapa hari selepas dipilih menjadi Presiden Indonesia yang keempat dalam bulan Oktober.

Menurut Syed Hamid, Alwi tiba di Kuala Lumpur hari ini untuk menyempurnakan jemputan Abdurrahman, yang lebih dikenali dengan panggilan Gus Dur, kepada Perdana Menteri untuk melawat Indonesia.

Alwi, yang mengesahkan tujuan kunjungannya, berkata, undangan yang dihantar secara peribadi itu mencerminkan penghormatan yang diberikan oleh Abdurrahman kepada Dr. Mahathir.

Jemputan ini tidak dibuat menerusi saluran diplomatik biasa memandangkan hubungan Malaysia - Indonesia tidak hanya pada tahap tradisional, tetapi lebih daripada itu, tegas Alwi.

"Ia merupakan hubungan persaudaraan yang perlu dikukuhkan hari demi hari," jelas beliau.

Menurut Alwi, jemputan tersebut adalah lanjutan daripada perbincangan di antara kedua-dua pemimpin semasa mereka berada di Bangkok baru-baru ini

bagi menghadiri forum Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD).

"Sebenarnya kita mahu Dr. Mahathir melakukan lawatan yang lebih awal ke Indonesia. Tetapi kita sedar tentang kesibukan beliau dengan pilihan raya umum (November lalu) dan pembentukan kerajaan," ujar Alwi.

"Kami berharap dengan lawatan Perdana Menteri, Malaysia dapat memberi sumbangan, mengikut ke-sanggupannya, terhadap pemulihan ekonomi Indonesia."

"Malaysia telah membuktikan ia tidak meninggalkan Indonesia pada saat-saat krisis terjadi di Indonesia," tambah Alwi.

Ditanya sama ada pertemuan tersebut turut membincangkan isu-isu lain seperti Aceh, Syed Hamid berkata biasanya terdapat tumpuan di dalam perbincangan mereka.

"Isu Aceh tidak ada dalam tumpuan (perbincangan) kali ini. Namun Indonesia biasanya memaklumkan kepada kita mengenai situasi di sana agar

kita sama-sama mengetahu," jelas beliau.

"Lagi pun, isu Aceh adalah isu dalam Indonesia," tambahnya.